

# SITI HASMAH KECEWA

Harian Metro  
09/10/2015  
ms 16

## ■ Sedih sikap segelintir ibu bapa tolak beri vaksin awal

Oleh Mohd Husni Mohd Noor  
mhusni@hmetro.com.my  
Putrajaya

**"S**aya kecewa dan sedih terhadap segelintir ibu bapa yang menolak memberi vaksin kepada anak mereka," kata isteri bekas Perdana Menteri Tun Dr Siti

Hasmah Mohamad Ali.

Tun Dr Siti Hasmah berkata, pemberian vaksin penting kerana ia dapat mencegah penyakit berjangkit seperti demam campak, batuk kokol, tibi, kancing gigi dan difteria dalam kalangan kanak-kanak.

Menurutnya, sebagai doktor perubatan, beliau sedih

dengan sikap segelintir ibu bapa terbabit kerana pemberian vaksin dilihat menurunkan kadar kematian ibu bapa dan kanak-kanak.

"Saya juga tidak faham sikap ibu bapa zaman sekarang yang menolak pemberian vaksin seperti polio. Kenapa (mentality) ke belakang, Tuhan bagi kita anak, kita mesti menjaga mereka dengan memberi suntikan vaksin dan makanan bagi memastikan mereka sentiasa sihat," katanya ketika ditemui selepas menerima Anugerah Khidmat Awam Kemanusiaan Kiwanis 2015 di sini, semalam.

Katanya, beliau sendiri terpaksa turun ke bandar bagi mendidik orang bandar mengenai kepentingan pemberian vaksin.

Sebelum ini, Timbalan Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Hilmi Yahya berkata,

bilangan kes yang menolak vaksin dalam kalangan ibu bapa meningkat dari 470 kes pada 2013 kepada 1,292 kes (2014) dan 1,054 kes sehingga bulan Mei lalu.

"Kejadian penyakit cegah vaksin dalam negara menunjukkan peningkatan dalam tempoh tiga hingga lima tahun lepas dengan bilangan kes measles (campak) meningkat dari 235 kes pada 2014 kepada 539 kes sehingga September lalu, manakala penyakit Pertsis (batuk kokol) pula bertambah dari 497 kes (2014) kepada 655 kes tahun ini," katanya.

Dalam pada itu, Tun Dr Siti Hasmah berkata, beliau bangga dan gembira kerana diberi penghormatan oleh Kiwanis atas sumbangan beliau khususnya dalam membantu orang kurang upaya (OKU) dan Sindrom Down.

Anugerah berprestij itu disampaikan Presiden Kiwanis International Sue Petrisin pada satu majlis khas di Yayasan Kepimpinan Perdana di sini.

Ia turut dihadiri bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad, Penaung Yayasan Sindrom Down Kiwanis Pusat Kebangsaan Tun Dr Ling Liong Sik dan Gabenor Kiwanis Malaysia Datuk Fatimah Saad.

**"Pemberian vaksin dilihat turunkan kadar kematian ibu bapa dan kanak-kanak"**

Dr Siti Hasmah

